



## **FASA PERTAMA BANDAR PR1MA TELUK INTAN TERIMA SAMBUTAN MENGALAKKAN**

**TELUK INTAN, 24 OGOS 2025** – Projek kediaman Bandar PR1MA Teluk Intan di Perak menerima sambutan memberangsangkan apabila semua unit kediaman Fasa 1A-1 habis ditempah dalam tempoh dua minggu pemilihan unit dilakukan. Ini merupakan kediaman bandar bersepadu pertama PR1MA dengan Nilai Pembangunan Kasar (GDV) berjumlah RM103 juta.

Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA), sebuah agensi peneraju kediaman mampu milik untuk kumpulan M40 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bersama Menteri KPKT, YB Tuan Nga Kor Ming menyerahkan surat tawaran kepada 10 orang pembeli pada Majlis Perasmian Projek dan Galeri Jualan Bandar PR1MA Teluk Intan hari ini sebagai tanda penghargaan dan permulaan perjalanan pemilikan kediaman bersama PR1MA.

“Sambutan menggalakkan bagi fasa pertama ini membuktikan permintaan yang tinggi terhadap kediaman mampu milik berkualiti di Teluk Intan. Seiring dengan aspirasi Malaysia MADANI, PR1MA komited untuk bukan sahaja menyediakan kediaman, tetapi juga membangunkan komuniti lestari yang memberi nilai tambah kepada rakyat”, kata YB Tuan Nga Kor Ming.

Unit kediaman teres setingkat berkeluasan 900 kaki persegi dengan 3 bilik tidur dan 2 bilik air ini ditawarkan pada harga mampu milik bermula daripada RM288,888 hingga RM399,270. Fasa 1A-1 ini telah berjaya menerima lebih 1,500 pendaftaran di mana sesi pengundian telah berlangsung pada 4 Ogos 2025, diikuti dengan sesi pemilihan unit bermula dari 9 Ogos 2025. Pada masa yang sama, Fasa 1A-2 turut diumumkan dibuka untuk pendaftaran semasa majlis tersebut, melibatkan sebanyak 134 unit rumah teres setingkat yang bakal ditawarkan kepada orang ramai.

Menurut Datuk Seri Haji Mohd Nazri bin Md. Shariff, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan dan Anggota Perbadanan PR1MA, “Projek Bandar PR1MA Teluk Intan ini jelas membuktikan permintaan tinggi terhadap kediaman berkualiti dan mampu milik yang dibangunkan PR1MA. Projek ini bukan sahaja menawarkan unit rumah teres, malah turut dilengkapi dengan rumah kedai dua tingkat dan kemudahan rekreasi, menjadikan pembangunan perbandaran ini holistik serta menyokong gaya hidup dan kesejahteraan golongan M40”.

Bandar PR1MA Teluk Intan Fasa 1A-1 yang terdiri daripada 86 unit teres setingkat akan dibangunkan di atas sebahagian tanah seluas 39 ekar dan dijangka siap pada suku ketiga tahun 2028. Keseluruhan Fasa 1A sebanyak 324 unit kediaman dibangunkan melalui Perjanjian Usaha Sama (JVA) antara PR1MA dan Intan Prima Township Development Sdn Bhd yang dimeterai pada 8 Oktober 2024.

Bandar ini turut merangkumi pelbagai kemudahan komuniti seperti dewan serba guna, surau, tasik serta taman rekreasi yang lengkap dengan taman permainan kanak-kanak, ‘*outdoor gym*’, pusat kitar semula, laluan jogging, ruang aktiviti, gelanggang bola piket, serta rumah kedai dua tingkat yang bakal memenuhi keperluan harian penduduk. Persekitaran ini dapat menyokong kehidupan komuniti dan memberi nilai tambah kepada pembangunan bandar sedia ada di kawasan Teluk Intan.

Dari sudut pembangunan, projek ini telah memperoleh kelulusan Kebenaran Merancang (KM) Pertapakan dan Pelan Bangunan (BP) daripada Majlis Perbandaran Teluk Intan (MPTI) pada 4 Julai 2025. Kerja-kerja awalan tanah termasuk pembuangan lapisan atas tanah serta pemasangan pagar (*hoarding*) kini sedang dijalankan sebagai sebahagian daripada aktiviti pengukuhan dan penambahbaikan tanah.

Pada majlis yang sama, Galeri jualan PR1MA di Teluk Intan turut dilancarkan sebagai pusat maklumat utama bagi projek-projek PR1MA di kawasan sekitar. Galeri ini dilengkapi dengan model skala projek, paparan visual projek serta ruang perkhidmatan pelanggan bagi memudahkan orang ramai yang berminat mendapatkan maklumat lanjut dan panduan yang diperlukan.

-TAMAT-

---

### **Mengenai Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA)**

Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA) merupakan sebuah agensi peneraju perumahan mampu milik bagi kumpulan M40 di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT). Ditubuhkan di bawah Akta PR1MA 2012, PR1MA bertanggungjawab untuk membangunkan kediaman mampu milik berkualiti tinggi bagi rakyat Malaysia. Kediaman PR1MA direka dengan konsep holistik serta menekankan pembangunan komuniti lestari. Sebagai agensi perumahan yang diiktiraf industri menerusi pencapaian pelbagai anugerah yang dimenangi, PR1MA terus komited untuk menyediakan perumahan berkualiti tinggi bagi memenuhi keperluan rakyat dan memperkasa agenda perumahan negara.

### **Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:**

Khairul Faizi Dalaiil (khairul.faizi@pr1ma.my / +60 13-7029740)  
Huda Zafirah A Rashid (huda.zafirah@pr1ma.my / +60 13-4441189)